



NAMA:

KELAS:

MODUL PINTAS
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025
PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 5
Kertas 2

3756/2

2 $\frac{1}{2}$ jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan di **Bahagian B**
3. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.
4. Alat tulis perakaunan seperti Jurnal, Lejar dan Buku Tunai boleh digunakan jika perlu.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Tunjukkan kerja mengira. Ini mungkin membantu anda mendapat markah
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
BAHAGIAN A		
1	10	
2	25	
3	25	
JUMLAH	60	
BAHAGIAN B		
4	20	
5	20	
6	20	
JUMLAH	40	
JUMLAH KESELURUHAN MARKAH		

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan.

- 1 (a) Rajah berikut merupakan kitaran perakaunan.



Apakah X dan Y?

[2 markah]

- (b) Rekodkan urus niaga berikut dalam Jurnal Am Restoran Sedar Rasa Enterprise. (Abaikan keterangan)

Restoran Sedap Rasa Enterprise membeli rak pameran RM600 secara kredit daripada Inspirasi Perabot Sdn Bhd untuk kegunaan perniagaan restorannya.

[2 markah]

- (c) Nyatakan jenis kesilapan tidak ketara bagi urus niaga berikut.

Urus niaga	Jenis kesilapan
Belian alat tulis RM330 telah didebitkan ke dalam Akaun Alatan Pejabat tetapi direkodkan dengan betul dalam Akaun Bank.	
Jualan kepada Rayyan tersalah rekod dalam Akaun Raydan.	

[2 markah]

- (d) Berikan **satu** contoh pendapatan modal dan pendapatan hasil bagi kelab dan Memanah Beserah.

[2 markah]

- (e) Maklumat berikut diperoleh dari kilang Keropok Wanna yang beroperasi di Beserah, Pahang.

	RM
Inventori bahan langsung pada 1 Januari 2024	23 400
Inventori bahan langsung pada 31 Disember 2024	15 300
Belian bahan langsung	54 700
Duti belian bahan langsung	2 800
Operator kilang	18 000
Gaji pengurus kilang	5 500
Insurans kilang	6 300

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Kos bahan langsung [1 markah]

- (ii) Kos buruh langsung [1 markah]

- 2 Pada 1 Ogos 2025 buku tunai Perniagaan Raudhah menunjukkan baki tunai RM1 450 dan baki bank menunjukkan baki kredit sebanyak RM2 202. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan urus niaga tunai dan bank yang berlaku sepanjang bulan Ogos 2025.

Tarikh	Urus Niaga
2025	
Ogos 3	Belian barang niaga RM762 dengan cek bernombor 622012.
5	Jualan RM820 dibankkan.
9	Menerima sekeping cek RM1 680 daripada Luqman Trading.
12	Tunai dibankkan RM950.
15	Menjelaskan invois RM3 510 kepada Fatima Enterprise dengan cek bernombor 622013 bernilai RM3 260.
17	Jualan tunai RM875.
20	Menerima sekeping cek daripada Ilyas RM1 867.
22	Menjelaskan hutang kepada Aqua Tech RM653 dengan cek bernombor 622014.
25	Menjelaskan bil utiliti RM150 dengan cek bernombor 622015.
29	Menerima cek daripada Hanan bagi menjelaskan semua hutangnya RM1 620. Diskaun tunai RM120.

- (a) Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai (tiga ruangan) untuk mencatat urus niaga bagi bulan berkenaan.

[12 markah]

PPC 2025 - PAHANG

Penyata bank yang diterima oleh Perniagaan Raudhah pada 7 September 2025 adalah seperti berikut.

Tarikh	Urus Niaga	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2025			RM	RM	RM
Ogos 1	Baki b/b				2 511
2	Deposit			286	2 797
3	Belian	622012	762		2 035
5	Deposit			820	2 855
6	Cek	622007	1 654		1 201
8	Sewa-perintah sedia ada		433		768
12	Deposit			950	1 718
14	Cek	622010	3 345		(1 627)
15	Fatima Enterprise	622013	3 260		(4 887)
23	Buku cek		30		(4 917)
25	Utiliti	622015	150		(5 067)
26	Aishah			500	(4 567)
27	Dividen – Syarikat Herman			188	(4 379)
30	Faedah atas Overdraf		135		(4 514)

Maklumat tambahan:

- (i) Cek yang dibankkan pada 20 Ogos 2025 telah dipulangkan oleh bank dengan ditanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.

Anda dikehendaki:

- (b) Mengemaskini Buku Tunai (ruangan bank) [8 markah]
 (c) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2025 [5 markah]

- 3 Encik Zaiman seorang peniaga milikan tunggal tidak mengamalkan sistem perekodan yang lengkap. Semua penerimaan dan pembayaran dilakukan dengan cek. Baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut:

	1 Januari 2024	31 Disember 2024
	RM	RM
Bank	9 910	?
Kenderaan (kos)	18 000	18 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	1 800	?
Lengkapan	5 000	5 300
Inventori	14 600	16 800
Akaun Belum Terima	8 610	9 220
Akaun Belum Bayar	4 700	6 950
Insurans prabayar	-	600
Belanja am belum bayar	450	290

Penerimaan dan pembayaran perniagaan sepanjang tahun.

Penerimaan:

	RM
Kutipan daripada pelanggan	8 500
Jualan barang niaga	25 500

Pembayaran:

	RM
Belanja am	3 100
Kadar bayaran	4 500
Ambilan	750
Insurans	2 500
Belianengkapan baharu	800
Bayaran kepada pembekal	7 310

Maklumat tambahan:

- (i) Pulangan masuk RM160
- (ii) Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku:
 - Seorang pelanggan diisytiharkan muflis dan hutangnya RM400 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
 - Ambilan barang niaga untuk kegunaan peribadi RM700.
- (iii) Membawa masuk cek RM3 000 ke dalam perniagaan.
- (iv) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima [4 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar [3 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [10 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 [8 markah]

BAHAGIAN B**[40 markah]***Jawab dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 (a) Alisya dan Ariq merupakan rakan kongsi dalam Perkongsian Double A yang menjalankan perniagaan produk kecantikan. Kongsi untung atau rugi perniagaan ini telah dipersetujui dengan nisbah 3:2. Pada 31 Julai 2025 mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian. Kedudukan kewangan perniagaan pada tarikh tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Kenderaan (Kos)	70 000
Perabot (Kos)	9 000
Inventori	30 700
Akaun Belum Terima	15 300
Bank	8 600
Akaun Belum Bayar	26 370
Akaun Modal Alisya	60 000
Akaun Modal Ariq	40 000
Akaun Semasa Alisya	10 000
Akaun Semasa Ariq	2 500 dt

Perkara-perkara berikut berlaku semasa pembubaran:

- (i) Inventori dijual pada harga RM28 500.
- (ii) Kenderaan diambil alih oleh Puan Alisya pada harga RM48 000 manakala perabot dijual pada harga RM8 200.
- (iii) Kutipan daripada Akaun Belum Terima RM14 400.
- (iv) Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya RM25 570.
- (v) Perbelanjaan pembubaran RM450.
- (vi) Encik Ariq membayar utiliti RM400 yang dijumpai semasa pembubaran.
- (vii) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (1) Akaun Realisasi [8 markah]
- (2) Akaun Modal Pekongsi (beruangan) [4 markah]

- 4 (b) Deeja Enterprise menjalankan perniagaan milikan tunggal yang mengamalkan sistem panjar dalam Buku Tunai Runcit dengan dana runcit sebanyak RM300. Berikut adalah urus niaga sepanjang bulan Jun 2025.

Jun 1

Tarikh : 1 Jun 2025	
Penerima : Buku Tunai Runcit	
Tujuan : Reupmen	
Baki b/b	15 800
Deposit	-
Jumlah	-
Cek ini	276
Baki h/b	15 524

Keratan Cek

- 2 Bayaran untuk kertas A4 RM28.
- 3 Bayaran sampul surat RM35.
- 5 Belian barang niaga secara tunai RM400.
- 12 Bayaran untuk upah mencuci pejabat RM 85.
- 18 Bayaran untuk bungkusan pos RM45.
- 25 Bayaran alas meja RM15.
- 30 Bayaran gaji dengan cek RM800

Anda dikehendaki :

Menyediakan Buku Tunai Runcit pada 30 Jun 2025 dengan menunjukkan analisis belanja pejabat, alat tulis dan belanja pos.

[8 markah]

- 5 Pada 19 Januari 2024, Syarikat Merbok Berhad menerbitkan syer seperti berikut:

500 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer
200 000 unit 9% syer keutamaan pada harga RM1.50 sesyer

Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 1 Februari 2024 dan tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Lembaga Pengarah dalam mesyuaratnya telah memutuskan untuk membuat terbitan syer kali kedua sebagai modal tambahan. Pada 15 Mac 2024, syarikat menerbitkan 700 000 unit syer biasa RM1.00 sesyer dan 300 000 unit 8% syer keutamaan RM2.00.

Pada tarikh tutup permohonan 31 Mac 2024, semua syer keutamaan dan 500 000 unit syer biasa telah dilanggan dan berbayar penuh. Bank Saudagar telah menanggung jumlah kurangan langganan pada tarikh tersebut.

Pada 31 Julai 2024, Lembaga Pengarah Syarikat Merbok Berhad bersetuju untuk membayar dividen interim kepada semua pemegang syer. Dividen syer biasa dibayar pada kadar 3%.

Pada 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah telah memutuskan pembayaran dividen akhir kepada pemegang syer keutamaan dan RM0.05 sesyer kepada pemegang syer biasa.

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung modal diterbitkan dan berbayar penuh bagi kedua-dua syer pada tarikh tersebut:
 - (i) Terbitan pertama pada 1 Februari 2024
 - (ii) Terbitan kedua pada 31 Mac 2024 [4 markah]
- (b) Menyediakan catatan jurnal bagi terbitan syer dan pembayaran untuk terbitan kedua bagi syer biasa dan syer keutamaan. (Abaikan keterangan). [6 markah]
- (c) Menghitung dividen interim dan dividen akhir. [6 markah]
- (d) Menunjukkan bahagian ekuiti pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024. [2 markah]
- (e) Nyatakan perbezaan antara syer biasa dengan syer keutamaan. [2 markah]

- 6 (a) Perniagaan Teratak Deco merupakan pengedar pelbagai jenis barangan dekorasi dalaman. Jadual berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil perniagaannya.

Paras Keluaran (unit)	2 500	3 500	4 500	5 500
Jumlah Kos (RM)	122 500	147 500	172 500	197 500
Jumlah Hasil (RM)	137 500	192 500	247 500	302 500

Kos tetap diandaikan malar.

Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung
- (1) Kos berubah seunit [2 markah]
 - (2) Kos tetap [2 markah]
 - (3) Harga jualan seunit [2 markah]
 - (4) Titik Pulang Modal dalam unit dan RM [4 markah]
- (ii) Nyatakan dua kegunaan Titik Pulang Modal [2 markah]

(b) Berikut adalah petikan Imbangan Duga Andalus Enterprise.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2025

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	3 240	
Pinjaman		36 000
Gaji	17 000	
Peruntukan Hutang Ragu		198
Sewa Diterima		7 800
Faedah atas pinjaman	1700	

Maklumat tambahan:

- (i) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima.
- (ii) Gaji bulan Jun dan Julai masih belum dijelaskan.
- (iii) Pinjaman dikenakan faedah sebanyak 6% setahun.
- (iv) Sewa diterima termasuk RM1 800 untuk sewa tiga bulan berakhir 31 Ogos 2025.

Sediakan:

- (1) Akaun Gaji [2 markah]
- (2) Akaun Sewa Diterima [2 markah]
- (3) Akaun Faedah atas Pinjaman [2 markah]
- (4) Akaun Peruntukan Hutang Ragu [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT